

UMP Menjadi Tanda Aras Terbaik Pelaksanaan Program OBE



Kuantan, 26 Jun- Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berkunjung ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk lawatan tanda aras berkaitan pelaksanaan Outcome-Based Education (OBE).Lawatan diselaraskan oleh Unit Jaminan Kualiti Akademik (UJKA),Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC) dalam usaha menjaga kepentingan peningkatan kualiti akademik dengan sesi perkongsian sebegini.

Seramai 19 orang dari pihak UMT yang diketuai Prof Madya Dr Wan Muhamad Amir bin Wan Ahmad (Timbalan Pengarah Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) dan Prof Madya Dr Noor Maizura binti Mohamad Noor (Ketua Team OBE UMT)



Hasil dari lawatan ini, UMT berminat dengan model dan system yang dibangunkan oleh UMP hasil kerjasama Unit Jaminan Kualiti Akademik (UJKA), CAIC bersama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK). OBE dimulakan pada semester 1 sesi 2015/2016 dan diperkuuhkan pada semester 2 sesi 2015/2016. Pihak UMT tertarik dengan system Course Outcome/Program Outcome (COPO) yang diintegrasikan ini.

Dalam minggu yang sama, 29 Jun UMP menerima kunjungan Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Shah Alam. Lawatan ini sebagai penanda aras oleh Fakulti Kejuruteraan Awam (FKjA) bekerjasama dengan Institute Quality & Knowledge Advancement (InQKA), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Pejabat Teknologi Maklumat UiTM (Infotech).



Antara yang hadir bersama Prof. Dr.Azme bin Ibrahim selaku ketua,Profesor Nor Aziah binti Alias (Pengarah Pembangunan Akademik),Prof.Madya Mohd Zaki bin Abdullah (pengarah Infotech) serta dari fakulti Kejuruteraan Awam,Unit Pengurusan Kualiti dan Pusat Sistem Maklumat dan Konfigurasi.

Pihak CAIC berterima kasih dia atas kesudian UMT dan UiTM mengunjungi UMP.lawatan ini merupakan lawatan balas pihak PKjA UiTM selepas pihak CAIC UMP mengadakan lawatan pada 15 Mei 2015.

Semoga perkongsian ini mampu memperkasakan kualiti akademik di Malaysia dan kerjasama di antara Universiti Awam akan berterusan.



Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-08-2015, 14:49:55